

## **Perdana Menteri Hadir APEC 2017 dan Sidang Kemuncak ASEAN**

Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha akan menghadiri Mesyuarat Pemimpin Ekonomi APEC Ke-25 (AELM) yang akan datang di Da Nang, Viet Nam, dan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-31 dan Sidang Kemuncak Berkaitan 2017 di Manila, Filipina.

Viet Nam akan menjadi tuan rumah minggu Pemimpin APEC dari 8-11 November 2017. Minggu Pemimpin APEC akan bermula pada 8 November, dengan Mesyuarat Menteri APEC (AMM), diikuti oleh AELM pada 10 dan 11 November. Menteri Luar Negeri Don Pramudwinai dan Menteri Perdagangan Apiradi Tantraporn, akan menghadiri AMM Ke-29.

Viet Nam, sebagai tuan rumah APEC 2017, mengenalpasti tema utama "Menciptakan Dinamika Baharu, Membina Masa Depan Bersama" dan meletakkan keutamaan kepada empat bidang, iaitu (1) Menggalakkan Pertumbuhan Mampun, Inovatif dan Inklusif, (2) Memperdalam Integrasi Ekonomi Wilayah, (3) Memperkukuh Daya Saing dan Inovasi PMKS di Era Digital, dan (4) Meningkatkan Sekuriti Makanan dan Pertanian Mampun sebagai tindak balas Perubahan Iklim.

Perdana Menteri Jeneral Prayut Chan-o-cha akan menyertai Sidang Kemuncak ASEAN Ke-31 dan Sidang Kemuncak Berkaitan pada 13 dan 14 November. Para Pemimpin ASEAN juga akan mengadakan pertemuan dengan rakan-rakan luar China, Jepun, Republik Korea, India, PBB, Mesyuarat ASEAN+3 Ke-20, dan Sidang Kemuncak Asia Timur Ke-12. Juga sidang kemuncak untuk memperingati ulang tahun Ke-40 ASEAN - AS, ASEAN - Kanada, dan ASEAN - Kesatuan Eropah.

Pada kesempatan ini, para pemimpin juga akan bertemu dengan Majlis Penasihat Perniagaan ASEAN dan menghadiri Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin ASEAN+3 dan Majlis Perniagaan Asia Timur. Perdana Menteri juga akan menghadiri Sidang Kemuncak Mekong - Jepun Ke-9 dan Mesyuarat Pemimpin-Pemimpin Kerjasama Ekonomi Komprehensif Serantau (RCEP) di samping Sidang Kemuncak ASEAN.

Menteri Luar Negeri Don Pramudwinai akan menyertai Mesyuarat Majlis Komuniti Politik-Keselamatan ASEAN Ke-16 dan Mesyuarat Majlis Penyelaras ASEAN Ke-20 pada 12 November 2017 untuk mempersiapkan Sidang Kemuncak ASEAN Ke-31.

- Berita diterbitkan: 16 November 2017